

Berita Manmin

NO. 28 15 OKTOBER 2023

1000

Berita Manmin menyebarkan injil kepada semua orang di seluruh dunia meliputi sejarah Manmin selama beberapa dekad sejak 1987

Berita Manmin meraikan penerbitannya yang keseribu. Ia telah menyebarkan kuasa Tuhan Yang Maha Mencipta, injil Yesus Kristus, dan kerja Roh Kudus kepada semua orang di seluruh dunia.

Pada 17 Mei 1987, ia mula-mula diterbitkan sebagai surat berita bulanan dengan nama *Berita Pusat Manmin*. Empat tahun kemudian, pada 13 Oktober 1991, ia mula dicetak setiap dua minggu disebabkan penambahan pelanggan dan pertumbuhan pesat gereja, dengan memperingati ulang tahun gereja yang kesembilan. Pada 11 Oktober 2009, ia dinamakan Berita Manmin dan mula dicetak pada setiap minggu.

Edisi bahasa Inggeris dicetak pada bulan Januari 1991. Setakat 2023, ia diterjemahkan ke dalam 8 bahasa seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Sepanyol, bahasa Portugis, bahasa Melayu, bahasa Urdu, bahasa Sinhala dan bahasa Hindi. Semua edisi dimuat naik ke www.manminnews.com supaya semua orang di seluruh dunia dapat membacanya di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Interview

“Saya gembira menghadiri Retret Musim Panas Manmin 2023 penuh dengan rahmat dan emosi!”

Pastor Shlomy Abraham dan Pastor Miriam Abraham
(Gereja Awake Israel, Israel)



Kami berasa sangat gembira mendapat khabar tentang ‘Retret Musim Panas 2023’.

Kami menghadirinya secara dalam talian tetapi kami dapat melihat orang yang kami rindui dan kami berasa terharu melihat wajah hadirin yang mengalami kemuliaan kemenangan. Kami melihat harapan dan kegembiraan pada wajah mereka; gambaran pemenang yang hebat dalam kegembiraan mereka yang tidak terungkap. Kami mengambil bahagian dalam retret dan dapat berkongsi berkat yang begitu besar.

Pastor David Jang
(Gereja Manmin Colombia, Colombia)



Ramai orang Kristian dari negara berbahasa Sepanyol termasuk Amerika Latin selalu mengikuti ibadat Gereja Pusat Manmin menerusi YouTube atau Facebook, dan menguatkan iman dengan mendengar khutbah Pastor Kanan Jaerock Lee. Retret musim panas dihadiri oleh orang Kristian dari 190 tempat menerusi siaran langsung YouTube dan ramai orang bersaksi tentang kesembuhan mereka. Anggota Gereja Manmin Colombia mengasihi Gereja Pusat Manmin dan mencuba sedaya upaya mereka dalam menempuh perlumbaan iman dengan satu hati dan satu matlamat.

Diaken Sophia Wu
(Gereja Manmin Kuala Lumpur, Malaysia)



Dalam Penyembahan Pujian Unggun Api, saya berasa sangat gembira dan dipenuhi Roh Kudus.

Saya berasa sangat bersyukur kerana saya ialah anggota Manmin dan mempunyai harapan untuk masuk ke Yerusalem Baru. Apabila semua hadirin bersatu dan menyanyikan pujian kepada Tuhan, saya berfikir bahawa Tuhan berasa tersentuh lalu saya mendapat kekuatan yang lebih besar untuk terus mara dalam iman. Kami akan terus dengan semampu kami membangkitkan sebanyak mungkin jiwa dengan menyebarkan lagu pujian Manmin yang indah, injil kesucian dan kerja Tuhan yang penuh kuasa.

Pastor Alexandru Tabaranu
(Gereja Manmin Moldova, Moldova)



Kami mengambil bahagian dalam retret ini dengan merakam video YouTube secara langsung

kerana terdapat perbezaan masa. Kami menontonnya semasa Perjumpaan Doa Daniel pada sebelah malam. Kami begitu terharu mendengar lagu pujian oleh ramai orang Kristian yang berkumpul dan berasa seolah-olah kami turut hadir dalam acara tersebut. Lagu khas daripada para penatua juga hebat. Saudari Lyubov Tyrsh sembuh daripada penyakit arthritis yang kronik selepas menerima doa dalam talian daripada Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee lalu memberikan kesaksiannya pada masa itu juga.

Pastor Katherine Kim
(Gereja Manmin Davao, Filipina)



Dalam ibadat ketibaan, saya sudah dipenuhi oleh kegembiraan dan kesyukuran. Rahmat

pertaubatan datang kepada saya lalu hati saya menjadi damai dan dilimpahi dengan harapan untuk masuk ke Yerusalem Baru. Anggota Gereja Manmin Davao di Filipina berusaha untuk menyingkirkan dosa melalui injil kesucian. Seorang anggota gereja yang dahulunya sangat panas baran tetapi melalui injil kesucian, dia telah membuang sifat panas barannya dan menjadi lemah lembut sehingga keluarganya diinjili. Saya sekali lagi diingatkan tentang betapa berharga dan bermakna injil kesucian.

Diaken Cinthya Macmillan
(Gereja Manmin Sydney, Australia)



Retret ini sangat hebat, dan saya sangat gembira kerana saya ialah anggota Manmin. Saya

menghargai kemesraan dan keramahan ramai anggota Manmin. Sewaktu Penyembahan Pujian Unggun Api, nyanyian pujian oleh Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee sangat bertenaga. Saya berasa sangat terharu apabila beliau menguatkan kita untuk memandang kasih Tuhan Bapa. Saya sangat menikmati lagu ‘Kuasa’ kerana pelayanan Pastor Kanan Jaerock Lee yang penuh kuasa telah mengubah kehidupan ramai orang.



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Ular Berbisa dan Kayu Salib

“...Setelah itu TUHAN menyuruh Musa membuat seekor ular daripada logam dan memasangnya pada sebatang tiang, supaya sesiapa yang dipatuk ular boleh memandangi ular daripada logam itu, lalu sembuh. Kemudian Musa membuat seekor ular daripada gangsa lalu memasangnya pada sebatang tiang. Setiap orang yang dipatuk ular akan sembuh jika memandangi ular daripada gangsa itu (Bilangan 21:4-9).

Topik ini akan meneroka kejadian ular berbisa yang dialami oleh umat Israel di padang gurun, pengajaran yang harus kita pelajari daripadanya, dan hubungannya dengan kayu salib Yesus.

1. Pengalaman Orang Israel dalam Kejadian Ular Berbisa Akibat Berkata-kata Menentang Tuhan dan Musa

Peristiwa-peristiwa dalam Bilangan 21 berlaku selepas Keluaran orang Israel dari Mesir. Setelah hidup dalam perhambaan di Mesir selama lebih 400 tahun, orang Israel berseru kepada Tuhan dan memohon keselamatan. Tuhan membebaskan umat pilihannya daripada perhambaan dengan mengutus Musa bagi pihak-Nya dan membolehkannya menunjukkan kerja-kerja kuasa-Nya yang menakjubkan.

Orang Israel menjangkakan bahawa mereka dapat sampai ke “tanah yang kaya dan subur” sejurus mereka meninggalkan Mesir namun apa yang berlaku di hadapan mereka adalah sebaliknya. Tuhan membuatkan umat-Nya tinggal di padang gurun supaya mereka layak untuk memasuki tanah berkat. Walau bagaimanapun, mereka gagal untuk memahami kehendak Tuhan lalu mereka cepat berkata-kata dan bersungut terhadap-Nya pada setiap kali mereka menghadapi kesukaran. Oleh sebab mereka tidak dapat menunjukkan iman mereka kepada Tuhan, Tuhan mendatangkan ujian kepada mereka selama 40 tahun di padang gurun.

Walaupun telah dibebaskan daripada perhambaan di Mesir, orang Israel menuduh Tuhan dan Musa cuba membunuh mereka di padang dan bersungut tentang manna yang diberikan oleh Tuhan kepada mereka dengan berkata, “Kami muak dengan makanan yang tawar ini” (Bilangan 21:5). Kemurkaan Tuhan tidak lama kemudian menimpa orang Israel dalam bentuk ular-ular berbisa dan “banyak orang Israel mati”

setelah dipatuk ular.

Hanya selepas itu barulah orang Israel datang kepada Musa untuk bertaubat. Apabila Musa berdoa untuk mereka, Tuhan memerintahkan Musa untuk membuat seekor ular daripada logam dan memasangnya pada sebatang tiang supaya sesiapa yang memandangi ular daripada logam itu akan sembuh. Apabila Musa membuat seekor ular daripada gangsa dan memasangnya pada sebatang tiang, sesiapa yang memandangi ular itu tetap hidup walaupun selepas dipatuk oleh ular berbisa.

2. Pengajaran Rohani yang Perlu Diambil daripada Kejadian Ular Berbisa

1) Tidak kira apa masalah kita, kita mesti mencari penyelesaian daripada Tuhan.

Sebagai Yang Maha Kuasa dengan autoriti mutlak atas kehidupan, kematian, berkat dan kemalangan manusia, Tuhan dapat mendatangkan ular berbisa ke atas umat Israel dan menyelamatkan mereka daripada bahaya. Ular-ular berbisa ini tidak muncul secara tiba-tiba. Di padang gurun, ular berbisa dan kala jengking adalah umum tetapi makhluk seperti ini tidak dapat mendekati mereka kerana Tuhan melindungi umat-Nya. Apabila orang Israel berkata-kata menentang Tuhan, mereka tidak lagi di bawah perlindungan Tuhan dan mengalami bahaya yang ditimbulkan oleh ular berbisa.

Oleh itu, orang Israel harus mencari Tuhan dan mengenal pasti punca dan penyelesaian bagi masalah ular berbisa. Dengan cara yang sama, manusia juga mesti mencari Tuhan bagi penyelesaian masalah yang dihadapi oleh mereka di dunia ini. “Ular berbisa” di sini merujuk kepada Iblis dan roh jahat. Apabila Tuhan berfirman kepada ular yang menggoda wanita itu dalam Kejadian 3:14, “engkau akan menjalar dan makan debu seumur hidupmu”, “d debu” melambangkan

manusia – Adam dan seluruh keturunannya dibentuk dari tanah dan menjadi badani akibat dosanya. Akibat dosa keingkaran Adam, ular yaitu Iblis menjadikan semua manusia badani yang hidup dalam dosa sebagai mangsa, dan mendatangkan ujian dan penderitaan kepada manusia.

Apabila manusia di dunia ini menghadapi kemalangan, menderita penyakit dan ditimpa kesusahan, mereka cenderung untuk menganggap bahawa kejadian tersebut sebagai nasib diri mereka atau kebetulan semata-mata. Walau bagaimanapun, anak-anak Tuhan mesti mencari punca masalah mereka dan menyelesaikannya berdasarkan firman Tuhan (1 Yohanes 5:18). Sebagaimana umat Israel bertaubat daripada dosa-dosa mereka dan datang kepada Musa, anak-anak Tuhan juga mesti bertaubat atas dosa mereka dan datang kepada-Nya. Apabila manusia hancur hati dalam pertaubatan, memusnahkan tembok dosa, dan datang ke dalam cahaya, Tuhan akan menyelesaikan masalah mereka tanpa mengira sifat diri mereka.

2) Kita mesti menanggung ujian iman hanya dalam kesyukuran dan kegembiraan.

Dengan membenarkan anak-anak-Nya melalui ujian iman yang dengannya mereka dapat memiliki iman yang seperti emas, Tuhan telah menyediakan setiap mereka dengan wadah yang layak untuk menerima berkat-Nya (Yakobus 1:4). Bapa-bapa iman juga mengalami semua jenis penderitaan dan masa ujian yang panjang sehingga mereka menerima berkat yang dijanjikan oleh Tuhan.

Begitu juga, ujian di padang gurun yang dihadapi oleh orang Israel merupakan proses yang harus dilalui oleh mereka untuk mencapai Kanaan, tanah berkat Tuhan (Ulangan 8:15-16). Jika mereka benar-benar percaya kepada Tuhan, mereka tidak akan berkata-kata menentang-Nya sebaliknya mereka akan mengubah diri mereka dalam rasa syukur atas kasih dan berkat-Nya.

Apabila kita menanggung ujian iman dalam kesyukuran dan kegembiraan, kita pasti akan memasuki Tanah Perjanjian Kanaan. Apabila kita menyediakan wadah dalam diri kita yang layak untuk menerima berkat-Nya di tengah-tengah ujian, mengatasinya, dan bersaksi tentang iman kita, Iblis dan roh jahat tidak dapat melemparkan

tuduhan kepada kita atas sebarang dosa pada masa berkat Tuhan.

Berkata-kata dan bersungut menentang Tuhan bukan sahaja akan memanjangkan tempoh ujian malah ia membuktikan kekurangan iman pada diri seseorang dan belum menjadi wadah yang layak untuk menerima berkat Tuhan.

3) Kita mesti menyedari kasih Tuhan yang dengannya Dia telah menolong kita untuk memiliki iman dengan memandang ke arah ular yang diperbuat daripada gangsa.

Apabila orang Israel dipatuk ular berbisa, mereka terselamat hanya apabila mereka memandang ular yang diperbuat daripada gangsa yang dipasang pada sebatang tiang. Adakah ini bermaksud bahawa Tuhan tidak dapat menyembuhkan mereka dengan kuasa-Nya tanpa mereka memandang ke arah ular yang diperbuat daripada gangsa? Jika orang Israel mempunyai jenis iman yang dimiliki oleh ketua askar Roma yang dipaparkan dalam Matius 8 yang berkata kepada Yesus, "Perintahkanlah sahaja," jadi yang harus dilakukan oleh Tuhan hanyalah dengan berfirman, "Sembuhlah."

Namun begitu, orang Israel tidak memiliki iman seperti ini. Oleh sebab tidak ada manifestasi besar kuasa Tuhan yang akan mencapai tujuan jika orang tidak percaya, Tuhan memberikan orang Israel lambang iman yang dapat dilihat. Ketika mereka memandang ular yang diperbuat daripada gangsa yang dipasang pada sebuah tiang iaitu ular yang telah mematuk dan hampir membunuh mereka, orang Israel dapat percaya dengan keyakinan yang lebih besar bahawa Tuhan telah menyelamatkan mereka daripada bahaya ular berbisa itu.

Perkara yang sama boleh dikatakan tentang cara Gereja Pusat Manmin pada hari menunjukkan mukjizat dan perkara yang luar biasa sebagai bukti Tuhan Yang Maha Hidup sedang bekerja. Seperti yang dikatakan oleh Yesus dalam Yohanes 4:48, "Jika kamu semua tidak melihat mukjizat dan perkara yang luar biasa, kamu tidak percaya," orang yang mempunyai hati yang keras tidak akan percaya kepada Tuhan Yang Maha Mencipta dan Yesus Kristus Penyelamat yang tertulis dalam Alkitab, tidak kira berapa kerap dan meluas mereka diberitakan tentang Injil.

Ada kalanya, kita mendapati orang Kristian



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Manmin International Seminary
Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



World Christian Doctors Network
www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Urim Books
Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

berkompromi dengan dunia ini dan gagal untuk hidup menurut Firman Tuhan. Apabila melihat, mendengar dan mengalami kerja-kerja kuasa Tuhan yang tidak dapat ditandingi atau ditiru oleh manusia, orang yang bukan Kristian juga akan lebih mudah mengakui Tuhan manakala orang Kristian dapat memiliki iman sejati dan hidup menurut Firman Tuhan.

3. Ketentuan Penyelamatan Tuhan dengan Membuatkan Orang Israel Memusatkan Pandangan ke arah Ular yang Diperbuat daripada Gangsa yang Dipasang pada Sebuah Tiang

Apa yang kita dapati dalam Yohanes 3:14-15, "Sebagaimana ular gangsa ditinggikan oleh Musa pada sebatang kayu di padang gurun, begitu jugalah Anak Manusia harus ditinggikan, supaya semua orang yang percaya kepada Anak Manusia beroleh hidup sejati dan kekal," sebenarnya merujuk kepada penyaliban Yesus. Sama seperti ular gangsa yang dipasang pada sebuah tiang, Yesus yang tidak berdosa digantung di atas kayu salib untuk menebus kita daripada dosa-dosa kita.

Ular itu melambangkan Iblis. Mengapakah Alkitab menyamakan peristiwa memandangi ular gangsa yang dipasang pada sebuah tiang dengan hal memfokuskan pandangan kita kepada Yesus yang digantung di atas kayu salib? Ini kerana penyaliban Yesus secara langsung melambangkan kemusnahan Iblis dan roh jahat. Oleh sebab memfokuskan pandangan kita kepada Yesus yang digantung di atas kayu salib adalah sama seperti menyaksikan kemusnahan kuasa Iblis dan roh jahat, apabila kita percaya kepada hal ini kita akan memperoleh hidup yang sejati dan kekal.

Menurut hukum alam rohani, kematian adalah upah dosa. Oleh itu, apabila Adam berdosa, dia dan seluruh keturunannya dihukum mati. Selepas menjalani kehidupan dengan segala jenis ujian dan penderitaan di bawah autoriti Iblis dan roh jahat di dunia ini, seseorang akan jatuh ke dalam neraka dan menerima hukuman kekal di sana.

Yesus datang ke dunia ini untuk menyelamatkan umat manusia tetapi Iblis dan roh jahat dengan menghasut orang jahat telah menyalibkan Yesus yang tidak berdosa. Mereka percaya bahawa

pembunuhan Yesus akan menjamin cengkaman kukuh kuasa kematian tetapi mereka akhirnya kehilangan kuasa itu.

Hukum alam rohani menyatakan bahawa hukuman mati hanya untuk orang yang berdosa tetapi Iblis dan roh jahat telah melanggar hukum itu lalu membunuh Yesus yang bukan sahaja tidak mempunyai dosa asal malah tidak mempunyai dosa yang dilakukan-Nya sendiri. Oleh itu, Iblis dan roh jahat terpaksa melepaskan kuasa kematian dan menyerahkan kepada Yesus orang yang percaya kepada Yesus sebagai Penyelamat mereka. Dengan ini, semua orang yang percaya kepada Yesus sebagai Penyelamat mereka akan menerima keselamatan dan apabila mereka berdoa dengan iman demi nama-Nya, mereka akan dilepaskan daripada semua ujian dan penderitaan.

Dalam kalangan orang Israel, orang yang taat tetap hidup apabila mereka memandangi ular gangsa yang dipasang pada sebuah tiang tetapi orang yang tidak taat dan keras hati mati akibat bisa ular. Dengan cara yang sama, orang yang percaya kepada Yesus Kristus pada hari ini akan memperoleh keselamatan tetapi tiada keselamatan untuk orang yang tidak percaya dan mereka pasti akan jatuh ke dalam neraka.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, semoga setiap anda bersyukur atas kasih Tuhan yang rela mengorbankan Anak Tunggal-Nya untuk menyelamatkan semua umat manusia, tidak membazir masa dalam mengikuti Tuhan Yesus, dan menerima berkat di dunia ini serta tinggal dalam kemuliaan yang kekal di syurga. Demi nama Tuhan Yesus Kristus kita saya berdoa!

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin


73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07056)
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>
www.manminnews.com
E-mel: manminhq@manmin.kr
Penerbit: Dr. Jaerock Lee
Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinititi: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.



“Semua kesakitan telah hilang! Saya dapat berjalan dengan baik tanpa pendakap!”

Diaken Kanan Youngsook Kim
(Usia 69, Paroki 2 Gereja Pusat Manmin)

Saya mengalami stenosis lumbar yang teruk. Pada 28 Jun 2023, saya menyiram beberapa tumbuhan dan sayur-sayuran di atas bumbung. Saya tergelincir di tangga dalam perjalanan turun kerana kasut saya basah. Pada masa itu, saya merasakan kesakitan yang melampau pada seluruh badan saya, terutamanya pada bahagian belakang. Saya tidak dapat bergerak sama sekali.

Saya menelefon 119 dengan menggunakan telefon bimbit saya lalu paramedik tiba tidak lama kemudian. Dengan bantuan mereka, saya dibawa ke bilik kecemasan hospital lalu menerima pertolongan cemas. Namun begitu, ruas tulang belakang saya terseliuh pada kedua-dua bahagian dan terkena saraf apabila saya tergelincir lalu terjatuh. Hal ini menyebabkan kesakitan yang melampau bukan sahaja pada bahagian belakang malah kaki dan jari kaki kanan sehinggakan saya tidak dapat menggerakkan walaupun satu jari kaki kanan. Apabila saya cuba bergerak sedikit, terlalu sakit untuk saya menanggungnya walaupun seketika.

Kemudian saya terpaksa bergerak dengan menggunakan pendakap. Doktor mengatakan bahawa tidak mudah untuk saya berada di sana lebih daripada dua minggu lalu memberitahu saya untuk berpindah ke hospital yang lebih besar untuk rawatan stenosis lumbar. Namun begitu, saya berhasrat untuk sembuh dalam retret musim panas yang bakal tiba dan dibenarkan keluar

dari hospital pada 10 Julai.

Ketika Perjumpaan Doa Nazar Daniel sedang berlangsung, saya berdoa untuk retret dan kesembuhan saya. Dalam doa-doa saya, saya bertaubat daripada dosa saya dan dengan bersungguh-sungguh saya memohon Tuhan untuk memulihkan kasih pertama saya kepada Tuhan.

Tarikh retret semakin hampir tetapi saya masih tidak dapat bergerak tanpa pendakap. Orang di sekeliling saya berasa risau tentang ketidakupayaan saya lalu menghalang saya daripada menghadiri retret. Saya benar-benar mahu menghadiri retret dan sembuh.

Pada 31 Julai iaitu hari pertama Retret Musim Panas, saya meninggalkan rumah dengan bantuan anak perempuan saya dengan penuh kerinduan untuk menghadiri retret. Saya mempunyai kerinduan bagi kerja Tuhan Bapa yang akan melihat saya berjalan langkah demi langkah tanpa menggunakan pendakap dan menyembuhkan saya. Saya bertanya kepada diri sendiri 'Adakah Tuhan menyembuhkan saya apabila saya membuka pintu dan meninggalkan rumah?' dan 'Adakah Tuhan menyembuhkan saya apabila saya menaiki bas?' Pada setiap masa saya menantikan kerja penyembuhan daripada-Nya.

Akhirnya, bas tiba di tempat retret

lalu saya menghadiri ibadat ketibaan dengan penuh harapan dan rasa teruja. Hati saya dipenuhi rahmat dan emosi. Pengkhotbah Puan Boknim Lee, Presiden Pusat Doa Manmin, berdoa dari podium untuk orang sakit lalu saya merasakan api panas melingkupi seluruh badan saya. Saya berasa yakin akan kesembuhan saya lalu berdiri dan cuba menggerakkan badan saya. Saya berasa takjub dapat berjalan tanpa pendakap. Anak perempuan saya dan orang di sekeliling saya bersorak gembira dan takjub.



Pada petang itu saya menghadiri seminar dan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dengan gembira dan bersyukur. Sebelum seminar bermula, perut saya terasa memulas dan saya tidak dapat menahannya. Saya pergi ke tandas lalu sesuatu seperti seketul darah beku sebesar penumbuk keluar. Saya pergi ke tandas sebanyak dua kali lagi. Menakjubkan kerana semua kesakitan hilang dan seluruh badan saya berasa ringan.

Selepas itu, saya dapat mendengar seminar dengan tenang. Saya menerima doa Pemangku Pastor Kanan dengan iman. Saya naik ke pentas tanpa pendakap lalu memberikan kesaksian tentang kesembuhan saya, memuliakan Tuhan Trinitati. Haleluyah!

“Sekarang saya dapat mendengar dengan baik dengan telinga kanan, yang dahulunya tidak dapat saya dengar!”

Saudari Younboon Kim (Usia 66, Paroki Cina 2 Gereja Pusat Manmin)



Saya dilahirkan di China. Pada usia 3 tahun, saya terjatuh dari tingkat dua lalu belakang saya tercedera. Saya tidak mampu untuk mendapatkan rawatan perubatan akibat kemiskinan. Selepas berkahwin, suami saya akan singgah di kedai runcit saya lalu dengan kata-kata kesat meminta wang untuk membeli minuman keras. Saya terpaksa melalui kesakitan fizikal dan mental.

Pada tahun 2009, saya terdengar bahawa sesiapa sahaja dapat memperoleh banyak pendapatan di Korea Selatan lalu saya datang ke Korea Selatan. Saya mendapat pekerjaan tetapi saya mengalami kehilangan pendengaran pada telinga kanan saya akibat persekitaran yang buruk dan tekanan, sehingga saya kadang-kadang terjatuh akibat pening.

Oleh sebab saya mempunyai penyakit jantung, saya memegang dada apabila terdengar bunyi yang kuat dan akan bangun secara tiba-tiba pada waktu malam akibat terkejut. Akibatnya, saya mengalami insomnia. Pada tahun 2020, saya menjalani pembedahan koklea untuk membetulkan masalah kehilangan pendengaran pada telinga kanan saya. Namun begitu, saya kehilangan pendengaran saya sepenuhnya.

Pada bulan September 2022, saya berpindah ke kawasan lain. Seorang jiran menginjili saya. Dia sangat baik hati dan melayani orang lain dengan lembut dan mesra. Saya berfikir ‘Saya dapat percaya gereja yang dihidirinya,’ lalu mendaftarkan diri di Gereja Pusat Manmin pada bulan Oktober. Dia ialah pemimpin sel saya dan mengajar saya tentang firman Tuhan termasuk menghormati hari Tuhan Yesus

sebagai hari yang suci dan memberikan persepuluhan penuh. Dia membantu saya menjalani kehidupan yang beriman. Saya sangat menikmati kehidupan iman saya dengan anggota-anggota sel saya. Sebelum Retret Musim Panas 2023, pemimpin dan anggota sel mendorong saya untuk menerima kesembuhan dalam retret dan menanamkan iman dalam hati saya. Oleh itu, saya menghadiri retret dengan harapan untuk sembuh.

Kesembuhan berlaku ketika sesi seminar dan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada sebelah petang 31 Julai, iaitu hari pertama retret. Ketika Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee berdoa untuk orang sakit, beliau menyebut pelbagai jenis penyakit satu persatu termasuk “Kehilangan pendengaran, kesukaran mendengar, tinitus, otitis media...” Tiba-tiba saya terdengar bunyi derak di dalam telinga kanan saya dan merasakan bahawa telinga saya dipulihkan.

Serta-merta saya berfikir bahawa saya telah sembuh lalu saya menarik telinga kanan saya untuk mendengar dengan penuh perhatian. Menakjubkan sekali kerana saya dapat mendengar dengan baik. Selain itu, saya juga berasa bahawa angin yang nyaman masuk ke dalam dada saya yang selalu sesak akibat sakit jantung, lalu dada saya terasa ringan. Haleluyah!

Pada malam itu saya dapat tidur dengan lena. Selepas retret musim panas, saya menjalani kehidupan harian saya dengan gembira dan bahagia. Saya memberikan kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus yang telah menyembuhkan saya dan membuatkan saya benar-benar gembira.